

Nusajaya jadi pelengkap

Oleh NOR SEDEK ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

WILAYAH Pembangunan Iskandar (WPI) dan Nusajaya di selatan Johor bakal lengkap melengkapi untuk memacu ekonomi negara selepas negara mencapai status negara maju pada 2020.

Perancangan secara bersepadu itu didedahkan kepada umum mulai tarikh WPI dilancarkan oleh Sultan Johor, Sultan Iskandar Sultan Ismail di Teluk Danga pada 4 November tahun lalu.

Sejak itu sama ada golongan korporat, profesional, ahli politik dan rakyat jelata menjadikan cerita tersebut sebagai topik serius atau sekadar mengisi masa lapang di hotel lima bintang atau di warung kopi di tepi jalan.

Tetapi masih ramai yang tidak tahu apa itu WPI dan sering kali disalahertikan dengan Nusajaya.

WPI ialah kawasan seluas 2,217 hektar bersamaan 2 1/2 kali Singapura khususnya dalam daerah Johor Bahru akan dibangunkan sebagai bandar raya metropolis.

Syarikat berkaitan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) dipertanggungjawab memajukan wilayah itu untuk muncul sebagai bandar termaju dan termoden di rantau ini sehingga 2025.

Pembangunan itu merangkumi tiga lokasi di antara Lapangan Terbang Senai di utara, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di barat daya dan Pelabuhan Pasir Gudang.


Nusajaya ada kawasan Dewan Undangan Negerinya (DUN) dan terletak di bawah Parlimen Pasir Gudang dan kedudukannya paling ke selatan negeri Johor.

Seluas 9,600 hektar dalam Nusajaya masuk dalam kawasan WPI dengan UEM Land Sdn. Bhd., diberi kepercayaan membangunkannya.

Berbicara mengenai Nusajaya sebelum ini lebih menjurus sebagai Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Johor (JSNAC) yang akan mula berpindah Ogos ini.

Tetapi dengan lokasinya termasuk dalam WPI, strategi pembangunannya bakal melambangkan imej pengurusan baik dan kecekapan ekonomi negara pada masa depan dengan pelaburan mencecah RM60 bilion.

Baik WPI atau Nusajaya pembangu-



KOMPLEKS Kerajaan Negeri Johor yang dicadangkan di Nusajaya.

nannya terlalu awal, kini lebih kepada peringkat memantapkan perancangan dan menarik pelabur asing terkemuka membuka pejabat atau kilang mereka di sini.

Tetapi tidak lama, hanya beri tempoh lima tahun WPI dan Nusajaya akan berubah wajah, baru rakyat melihat dengan mata sendiri pembangunan diuar-uarkan seperti berdiri teguhnya Putrajaya sekarang.

Itulah tempoh yang diberikan oleh Pengarah Urusan UEM, Wan Abdullah Wan Ibrahim.

EduCity

Beliau berkata, Nusajaya meliputi tujuh komponen iaitu logistik dan industri, kawasan kediaman, resort bersepadu pesisir pantai Puteri Harbour, hab perubatan, 'EduCity' atau bandar raya ilmu selain JSNAC.

Dalam tempoh tersebut, ketujuh-tujuh komponen akan mengubah kawasan tersebut kepada satu landskap yang mampu memenuhi kehendak setiap peringkat umur baik rakyat tempatan atau warga antarabangsa.

Akhirnya, Nusajaya bukan sahaja sekadar tempat untuk mencari rezeki, menuntut ilmu dan beristirahat tapi mampu menghimpunkan masyarakat dunia bertemakan Dunia Dalam Satu Bandar (The World In One City)

UM-26/2/2007.
Akhirnya Nusajaya bukan sahaja sekadar tempat untuk mencari rezeki, menuntut ilmu dan beristirahat tapi mampu menghimpunkan masyarakat dunia bertemakan Dunia Dalam Satu Bandar (The World In One City)

Malah, katanya, resort bersepadu Puteri Harbour dijangka sudah boleh melambungkan kapal mulai hujung tahun ini.

Malah, perasmian Nusarajaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi pada Jumaat lalu dilihat menjadi pemangkin kepada usaha mempromosikan Nusajaya di rantau ini.

Beliau berkata: "Saya percaya Malaysia mampu menjadi bertaraf dunia dan WPI serta Nusajaya yang akan membuktikannya."

Wan Abdullah melihat Nusajaya memiliki keunikan tersendiri kerana hampir dengan lima pelabuhan iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pasir Gudang, Pihak Berkuasa Pelabuhan Singapura, Pelabuhan Jurong (Singapura) dan pelabuhan petrokimia Tanjung Langsat.

Dua lapangan terbang iaitu Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai yang semakin berkembang dari masa ke masa dan Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura juga menjadi faktor untuk menarik pelabur dan syarikat asing ke Nusajaya.

"Tetapi Nusajaya bukan pesaing ke-

pada Singapura sebaliknya sebagai pelengkap yang menawarkan kemudahan-kemudahan tersebut termasuk Puteri Harbour," ujarnya.

Katanya, selain pelabur Singapura dalam bidang teknologi tinggi yang sudah membeli tanah di Nusajaya, tokoh-tokoh korporat dari Perancis dan Jerman sudah menunjukkan minat mendalam untuk menjadi sebahagian daripada kemajuan di wilayah tersebut.

Institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Amerika Syarikat iaitu Carnegie-Mellon dan beberapa universiti terkemuka di India, Eropah, Australia dan Jepun juga sedang berbincang untuk mewujudkan kampus fakulti tertentu di Nusajaya.

Nusajaya selaku kawasan pertumbuhan baru yang hendak diwujudkan sebenarnya merupakan nadi kejayaan WPI.

Berjaya atau gagal WPI bergantung sepenuhnya kepada kemampuan negara meletakkan Nusajaya dalam peta dunia setidak-tidaknya setanding Singapura dan Hong Kong.